

**Tiga `jaringan' untuk "Endless Possibilities", kata Kit Siang
Malaysian Insider
Aug 23 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM**

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melakukan pra pelancaran terbaik untuk slogan kempen baru "Endless Possibilities" dengan pembebasan dua anggota polis yang terbabit dengan pembunuhan warga Mongolia, Altantuya Shaariibuu.

Penasihat DAP, Lim Kit Siang (gambar), berkata demikian sebagai merujuk kepada tiga isu kontroversi selain daripada pembebasan Koperal Sirul Azhar Umar dan Cif Inspektor Azilah Hadri seperti isu pemilihan semula Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) dan penayangan filem Tanda Putera yang mempunyai babak tragedi berdarah 13 Mei 1969.

"Ia seperti Najib membuat pra pelancaran untuk mempromosikan slogan terbarunya. Malah ia kini menjadi ungkapan paling popular apabila tiga hakim di Mahkamah Tinggi membebaskan suspek pembunuhan penterjemah dan juga model Mongolia, Altantuya Shaariibuu," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Malah pemimpin itu turut mempersoalkan isu yang tidak berkesudahan seperti tayangan filem Tanda Putera di pawagan seluruh negara 29 Ogos ini antara lain menayangkan satu babak kontroversi sekumpulan belia Cina kencing di tiang bendera di kediaman rasmi Menteri Besar Selangor dikatakan menjadi pencetus kepada rusuhan kaum 13 Mei.

Beliau yang menyelar pengarah filem Datin Paduka Shuhaimi Baba menegaskan perkara yang dilakukan dalam filem itu tidak pernah tercatat dalam mana-mana sejarah negara ini termasuk kertas putih bagi Majlis Gerakan Negara pada 9 Oktober 1969.

"Kertas Putih bertajuk Tragedi 13 Mei dan biografi Tunku Abdul Rahman 13 Mei – Sebelum dan Selepas tidak pernah menyatakan wujudnya insiden 'kencing' ia adalah pembohongan paling hina dalam mencetuskan ketegangan kaum.

"Walaupun filem itu adalah filem cereka, tindakan tidak bertanggungjawab mewujudkan kejadian kencing dalam filem rasmi dibiayai kerajaan kerana ia boleh mencetuskan kesangsian antara kaum, perbalahan dan kebencian, benar-benar memudaratkan kepada usaha pembangunan negara terutama ketika negara bakal menyambut hari kemerdekaan," katanya lagi.

Lim turut menyentuh "Endless Possibilities" tidak berkesudahan yang berlaku dalam isu pemilihan semula CEC DAP apabila Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) gagal mengemukakan sebab kukuh memaksa DAP melakukan pemilihan semula.

"Jadi rakyat Malaysia tertanya-tanya adakah slogan Endless Possibilities ini yang seperti berlaku dalam ketiga-tiga –tiga isu kontroversi ini akan menjadi garis pemerintahan kerajaan pimpinan Najib," katanya. – 23 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tiga-jaringan-untuk-endless-possibilities-kata-kit-siang>

